



INSTITUSI PENDIDIKAN KO2

OBJEKTIF

- Membincangkan beberapa pusat pendidikan yang penting dalam sistem pendidikan Islam.
- Menghuraikan adab pelajar sebagai penuntut ilmu dan tanggungjawab guru sebagai ilmuwan.

PUSAT PENDIDIKAN DALAM ISLAM

- Perbincangan mengenai pusat pendidikan dalam Islam adalah menerusi beberapa aspek, iaitu:
 1. Sejarah kemunculan institusi pendidikan yang melibatkan sistem persekolahan yang digunakan sama ada formal atau tidak formal.
 2. Peringkat-peringkat pendidikan yang terdapat dalam sistem pendidikan Islam yang meliputi peringkat rendah, menengah, dan tinggi.
 3. Bidang pengajian yang ditawarkan oleh sesebuah pusat pendidikan sama ada ilmu syariaah (keagamaan) atau ilmu sains khususnya perubatan dan astronomi.



PUSAT PENDIDIKAN UTAMA DALAM TAMADUN ISLAM

1. Rumah
2. Istana
3. Masjid dan masjid khān
4. Suffah
5. Pasar dan kedai buku
6. Padang pasir (gurun)
7. *Kuttāb* (disebut juga maktab)
8. Perpustakaan
9. Madrasah
10. Observatori (balai cerapan)
11. Hospital

Rumah Sebagai Pusat Pendidikan

- Perbincangan mengenai rumah sebagai pusat pendidikan terbahagi kepada;

(1) rumah guru agama

(2) rumah sarjana sains.

(1) rumah guru agama

- Rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam dijadikan tempat belajar dan pertemuan pertama antara Nabi Muhammad s.a.w dengan para sahabat dan pengikutnya.
- Pada peringkat awal, bidang ilmu pengetahuan yang disampaikan adalah berbentuk wahyu yang telah diturunkan.
- Kurikulum pendidikannya menekankan kepada kepentingan akidah, syariah dan akhlak dengan penjelasan maksudnya agar dapat difahami dan dihayati sepenuhnya.
- Turut dilaksanakan ialah aktiviti membaca, menghafal, dan menulis.

(2) rumah sarjana sains

- Bentuk pengajian ilmu sains di rumah sarjana sains kebanyakannya bersifat tidak formal meskipun terdapat juga yang menyediakan pengajian secara formal terutamanya setelah diwakafkan untuk dijadikan sekolah perubatan.
- Rumah sarjana sains dijadikan tempat belajar dalam keadaan yang tertentu seperti kesuntukan masa pada waktu siang yang dihadapi oleh seseorang guru.
- Contohnya rumah kediaman Ibn Sinā di Hamadhān, rumah 'Abd al-Rahim bin 'Ali al-Dakhwār (m. 628/1230) di Damsyik yang dikenali sebagai *al-Madrasah al-Dakhwariyyah*, dan rumah Ibn al-Nafis (m. 687/1288) yang terletak di Kaherah.



Istana Pemerintah dan Pembesar Sebagai Pusat Pendidikan

- Tempat belajar khusus bagi anak-anak khalifah dan para pembesar negara apabila menyedari betapa perlunya usaha untuk menyiapkan putera mereka dengan ilmu pengetahuan yang mantap agar dapat melaksanakan tugas berat yang pada masa hadapan.
- Bentuknya jelas kelihatan pada zaman kerajaan Bani Umayyah dan 'Abbāsiyyah serta zaman selepasnya
- Pendidikan yang lebih tertutup dan terhad kepada anak-anak khalifah dan para pembesar di istana masing-masing. Justeru, pembelajarannya kurang berkembang dan bermanfaat kerana sukar untuk membina watak dan sahsiah secara lengkap dan menyeluruh.

Sambungan ...

- Corak pendidikan yang dilaksanakan pada dasarnya adalah sama dengan kanak-kanak lain. Terdapat beberapa keistimewaan seperti penglibatan khalifah atau pembesar sendiri dalam menentukan program pelajaran yang sesuai, selaras dengan keinginan untuk menyiapkan anak-anak mereka memikul tanggungjawab pada masa hadapan.
- Sepanjang usia peringkat kanak-kanak, mereka akan terus dididik di bawah pemerhatian pendidik (*mu'addib*) yang dilantik dan akan berpindah ke taraf pelajar di lingkungan masjid atau sekolah.

Masjid Sebagai Pusat Pendidikan

- Perkataan masjid dan jamik adalah dua angkubah yang seringkali digabungkan dan menggambarkan sifat masjid yang berfungsi sebagai tempat berhimpun umat Islam untuk mendirikan solat Jumaat dan berjamaah.
- Kesan daripada penghijrahan Rasulullah s.a.w. ke Madinah, masjid berperanan sebagai penyumbang utama terhadap perkembangan ilmu dan institusi pendidikan kerana institusi rumah sudah tidak dapat menampung bilangan yang besar.
- Contohnya Masjid Nabawi, masjid Quba', dan masjid al-Mirbad di Madinah berperanan sebagai pusat pendidikan dengan menyediakan sistem halaqat dan usrah dalam pelaksanaan proses pendidikan.

Sambungan ...

- Pada peringkat awal, bentuk pengajian yang dilaksanakan adalah tidak formal. Walau bagaimanapun, masjid menjadi pusat pendidikan yang lebih sistematik apabila wujudnya *al-suffah*, iaitu tempat belajar yang biasanya didirikan bersambungan dengan masjid. Amalan ini menjadi warisan dan berkembang pesat hingga tercetusnya usaha untuk membina tempat khusus bagi pengajian secara tetap, rasmi dan sistematik lalu lahirlah idea untuk membina institusi lain seperti *khān* (asrama) dan madrasah (pusat pengajian tinggi) khususnya pada abad ke-4 H/10 M dan ke-5 H/11 M.
- Biasanya, kewangan *khān* ditampung oleh wakaf dan penghasilannya dimanfaatkan untuk pelbagai kepentingan sosial.

Pusat Pengajian Tinggi al-Azhar

- Penubuhan al-Azhar sebagai masjid dan pusat pendidikan pada pertengahan akhir abad ke-4 H/10 M telah mewarnai pendidikan Islam yang menitikberatkan kesatuan ilmu yang berteraskan sumber wahyu.
- Penubuhan institusi ini sangat berkait rapat dengan teraju pemerintahan kerajaan Fātimiyyah di Mesir (358-567 H/969-1171 M) yang mengisytiharkan kedaulatan negara sendiri dan bebas daripada penguasaan kerajaan Abbasiyyah.
- Turut beroperasi sebagai pusat pendidikan dan kegiatan intelektual yang menyaksikan ramai ulama dan cendekiawan Muslim menghadiri pengajian tersebut yang berpandukan kitab perundangan Islam (fikah Ahl al-Bayt).

Sambungan ...

- Sejak era Fatimiyyah, fungsi utama al-Azhar menjurus kepada tiga peranan, iaitu:
 1. Menyampai dan mengajarkan ilmu-ilmu Islam kepada seluruh manusia.
 2. Menyuburkan kebudayaan Islam.
 3. Memelihara kemurnian bahasa Arab sebagai bahasa pengantar utama ajaran Islam dan bahasa ilmiah.
- Turut berperanan dalam mengarahkan penumpuan pengajiannya kepada ilmu wahyu terutamanya pengajian perundangan Islam yang tidak terikat dengan sebarang mazhab fikah atau aliran pemikiran tertentu khususnya pada era pemerintahan khalifah al-Hākim.

Suffah Sebagai Pusat Pendidikan

- Dianggap pusat pendidikan formal yang terulung dalam sejarah pendidikan Islam.
- Pada zaman Rasulullah s.a.w. terdapat satu ruangan khas yang didirikan bersambung dengan Masjid Nabi yang dikenali sebagai *al-suffah*. Aktiviti pengajian di sini dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w. sendiri, di samping melatih beberapa orang daripada kalangan sahabat yang ditugaskan sebagai guru. Antara yang dilatih ialah ‘Abdullah bin al-Rawāhah, ‘Ubādah bin al-Sāmit dan Abu ‘Ubaydah bin al-Jarrāh.
- Keupayaan menulis dan membaca dalam kehidupan sosial dan politik umat Islam ternyata mempunyai peranan yang amat penting sejak zaman Rasulullah s.a.w.

Pasar dan Kedai Buku Sebagai Pusat Pendidikan

- Pasar dan kedai buku (*hawānit al-warrāqin*) telah menjadi saluran yang tidak kurang pentingnya dalam kegiatan keintelektualan.
- Muncul sejak permulaan kerajaan Abbasiyyah dan kemudiannya berkembang pesat dan meluas di seluruh negara jajahan Islam.
- Walaupun budaya dan kegiatan keintelektualan ini dikaitkan dengan pasar bangsa Arab pada zaman jahiliyah yang dijadikan gelanggang kecerdasan dan sayembara keilmuwan, namun hal ini hanyalah secara bermusim berbanding pada zaman pemerintahan kerajaan Islam yang menjadikannya aktiviti harian.

Padang Pasir Sebagai Pusat Pendidikan

- Antara penyumbang kepada usaha meningkatkan bahasa Arab yang telah dicemari hasil daripada percampuran dengan masyarakat bukan Arab setelah berlakunya perluasan wilayah Islam.
- Shalabi berpendapat bahawa gurun sahara di seluruh Tanah Arab abad ke 1 H/7 M dan 2 H/8 M merupakan sekolah seperti yang terdapat pada zaman sekarang.
- Penghuni padang pasir menjadikan kesempatan ini sebagai sumber mata pencarian mereka dengan mengajar bahasa Arab yang betul dan tidak tercemar kepada anak-anak penduduk kota sebagai satu daya usaha untuk memperbaiki bahasa Arab.

Kuttāb Sebagai Pusat Pendidikan

- *Kuttāb* yang kata jamaknya *katātib* (*kātib*) dan *makātib* (*maktab*), ialah tempat memberi pelajaran.
- Ahli terminologi bersepakat dalam menerangkan maksud maktab sebagai tempat belajar, namun berbeza pandangan dalam menjelaskan maksud *kuttāb*. Sebahagian berpendapat bahawa *kuttāb* dan maktab adalah sama. Sebahagian sarjana yang lain berpandangan bahawa *kuttāb* ialah kanak-kanak yang mengikuti pengajian dan maktab ialah tempat belajar.
- Perkataan *kuttāb* telah dijadikan satu istilah bagi sekolah tradisional untuk mengajar kanak-kanak membaca dan menulis serta menghafaz al-Quran. Para sarjana barat pula mengenalinya sebagai *Quranic school* (sekolah al-Quran).

Sambungan ...

- Pada zaman Khulafā' al-Rāshidin kepentingan *kuttāb* semakin terserlah dalam komunikasi ilmiah dan penghasilan pelbagai buku ilmu pengetahuan. Berdasarkan kepentingan membaca dan menulis, maka *kuttāb* berkembang pesat sebagai pusat pendidikan yang lebih formal daripada sebelumnya.
- Pada peringkat awal perkembangannya, kurikulum yang dilaksanakan hanyalah kemahiran membaca dan menulis, manakala isi kandungannya pula ialah syair semasa yang termasyhur. Tenaga pengajar kebanyakannya daripada kalangan kaum *zimmi* dan tawanan perang Badar.

- Orang Islam yang berkemahiran membaca dan menulis lebih cenderung kepada pekerjaan yang memerlukan tenaga seperti pertanian dan pengembalaan.
- Pada akhir abad pertama Hijri, kurikulumnya diisi dengan pelajaran membaca al-Quran dan asas ilmu agama di samping asas-asas pengetahuan lain.
- Perkembangan kuttāb begitu pesat sehingga pada akhir abad pertama meningkat kepada sebuah pusat pendidikan yang menghimpunkan ribuan pelajar. Contohnya, kuttāb Abu Qāsim al-Balkhi (m. 105/723) di Kufah dengan 3000 orang pelajar dan catatan Ibn Hawqal (m. 367/977) bahawa terdapat 300 orang guru kuttāb di Palermo sebuah kota kecil jika dibandingkan dengan Baghdad, Damsyik, Aleppo, Istanbul, dan Kaherah.



Perpustakaan Sebagai Pusat Pendidikan

- Perpustakaan (disebut juga kutub khanah dan maktabah) menjadi pusat pengajian dan pendidikan yang penting pada zaman awal Islam.
- Selain berfungsi sebagai tempat mengumpul dan menyimpan buku, serta pusat kajian, juga berperanan sebagai tempat belajar secara tidak formal yang melibatkan pengajian secara halakah.
- Menurut Shalabi, perpustakaan dalam sejarah tamadun Islam dikategorikan kepada tiga jenis, iaitu: umum, semi-umum, dan khusus (peribadi).

(1) PERPUSTAKAAN UMUM

- Terbuka kepada sesiapa sahaja yang ingin menggunakan koleksinya.
- Biasanya adalah sebahagian daripada masjid dan madrasah.
- Contohnya;
 1. Bayt al-Hikmah di Baghdad
 2. Dār al-‘Ilm di Kaherah.

(2) PERPUSTAKAAN SEMI-UMUM

- Biasanya dibina di istana
- Contohnya perpustakaan al-Nāsir li Dinillah, perpustakaan al-Musta'sim billah, perpustakaan para pemerintah kerajaan Fātimiyyah dan perpustakaan amir Nūh bin Nasr al-Sāmāni.
- Tujuannya untuk mendekatkan diri kepada ilmu pengetahuan atau memperlihatkan bahawa mereka adalah ahli ilmu pengetahuan.
- Hanya sarjana ternama dibolehkan mengunjunginya seperti Ibn Sinā diberi keizinan oleh pemerintah kerajaan Sāmāniyyah, iaitu Nūh bin Nasr al-Sāmāni untuk membaca dan mengulangkaji buku perubatan di perpustakaan diraja yang terletak di Bukhara.



(3) PERPUSTAKAAN KHUSUS/PERIBADI

- Dimiliki oleh individu, sarjana, dan sasterawan.
- Dibina khusus untuk memenuhi kepentingan mereka dalam mengumpul koleksi kitab dengan tujuan tertentu seperti memenuhi hobi mengumpul bahan bacaan bernilai atau mencari kemasyhuran.
- Jumlahnya amat banyak kerana begitu jarang seorang sarjana atau sasterawan yang tidak mempunyai perpustakaan sendiri sebagai sumber maklumat dan tempat membuat rujukan dalam kajian yang mereka lakukan.
- Contohnya perpustakaan Fath bin Khāqān (m. 247/861), perpustakaan Hunayn bin Ishāq (m. 246/860), perpustakaan Ifrā'im bin al-Zaffān, dan perpustakaan Mubashshir bin Fātik (m. akhir abad ke-5 H/11 M).

(1) Bayt al-Hikmah

- Bayt al-Hikmah (House of Wisdom) yang terletak di Baghdad dianggap sebagai institusi pertama dalam sejarah tamadun Islam dengan ciri yang jauh berbeza berbanding institusi pendidikan tradisional lain pada zamannya.
- Perpustakaan dan pusat pengajian tinggi yang paling terkenal dalam sejarah pendidikan Islam.
- Mencapai tahap kegemilangannya pada zaman pemerintahan khalifah al-Ma'mūn (m. 218/833) yang menyaksikan kegiatan penterjemahan ilmu asing dari Greek, Parsi, Syria, Mesir, dan India berlaku dengan pesat.
- Saingan utamanya ialah Dar al-Ilm di Kaherah.

Sambungan ...

- Bayt al-Hikmah merupakan perpustakaan yang pertama didirikan di dunia Islam untuk kegunaan umum dan mempunyai kedudukan yang tinggi.
- Turut berperanan sebagai institusi pengajian tinggi yang menjadi tempat berkumpulnya para cendekiawan, penyelidik dan penuntut ilmu.
- Bayt al-Hikmah menjadi pusat ilmu pengetahuan yang pertama memberi sumbangan kepada penuntut dalam pelbagai bidang terutamanya sains, falsafah, dan perubatan.

Antara perpustakaan utama dunia Islam di Andalus

1. Perpustakaan diraja Bani Umayyah yang terletak di Cordova.
2. Perpustakaan diraja kerajaan Bani 'Abbād di Seville
3. Perpustakaan peribadi Abū Ja'far ibn 'Abbās (wazir kepada pemerintah Almeria).
4. Perpustakaan al-Muzaffar ibn al-Aftas
5. Perpustakaan Bani Dhū al-Nūn di Toledo, dan
6. Perpustakaan Bani Hūd di Saragossa

Madrasah Sebagai Pusat Pendidikan

- Istilah madrasah dalam perbincangan ini adalah merujuk kepada pusat pendidikan Islam peringkat tinggi.
- Madrasah tidak boleh disama ertikan dengan pusat pendidikan tinggi yang ada sekarang dan hal ini menimbulkan kesulitan dalam usaha untuk menterjemahkan maksud perkataan madrasah. Beberapa pengkaji sejarah pendidikan Islam menterjemahkan perkataan madrasah ke dalam bahasa Inggeris secara bervariasi seperti *school*, *college* atau *academy*. Walau bagaimanapun, semua perkataan tersebut tidak dapat memberikan maksud yang tepat untuk menggambarkan perkataan madrasah yang sebenarnya dalam dunia pendidikan Islam.

(1) Madrasah Ilmu Syariah

- Kesenambungan daripada pusat pendidikan Islam sebelumnya yang terdiri daripada *kuttāb*, masjid, dan perpustakaan.
- Lebih berorientasikan pengajian fikah Islam dan wujud setelah berlangsungnya kegiatan keilmuan Islam di masjid, istana khalifah dan para pembesar Abbasiyyah, kedai buku, dan *kuttāb*.
- Menjelang abad ke-4 H/10 M wujud beberapa madrasah Bayhaqiyyah di Nishapur yang didirikan oleh kerajaan Buwayhiyyah (334-447/945-1055) kerajaan bermazhab Syiah Imam Dua Belas yang juga terkenal sebagai penaung ilmu pengetahuan.

Sambungan ...

- Berikutnya terbina Madrasah al-Amir Nasr Subuktiqin, Madrasah Mahmud al-Ghaznawi, dan Madrasah al-Saydiyyah di Afghānistān yang didirikan oleh kerajaan Ghaznawiyyah yang terkenal sebagai penaung ilmu sains dan falsafah.
- Sungguhpun madrasah yang didirikan oleh kerajaan Buwayhiyyah dan Ghaznawiyyah wujud lebih awal, kemunculan rangkaian Madrasah Nizāmiyyah di bawah naungan politik kerajaan Saljuq sahaja yang menampilkan suatu sistem yang lebih lengkap dan sistematik. Madrasah Nizāmiyyah yang diasaskan oleh Nizām al-Mulk menjadi model kepada pertumbuhan madrasah berikutnya dalam era Abbasiyyah seperti dilakukan oleh Nur al-Din Zinki (m. 569 H) dan Salah al-Din al-Ayyubi (m. 589 H) di Mesir, Syria, dan Palestin.

(2) Sekolah Perubatan (*Madrasat al-Tibb*)

- Sumber sejarah menyebut bahawa penggunaan istilah '*madaris al-tibb*' untuk membincangkan tentang beberapa sekolah perubatan.
- Antara sumber yang jelas menggunakan istilah tersebut ialah kitab '*al-Daris fi Tarikh al-Madaris*' karya al-Nu'aymi (m. 927 H) yang mengkhususkan satu fasal yang diberi tajuk '*Madaris al-Tibb*' untuk membincangkan beberapa madrasah perubatan yang terdapat di Syam pada abad ketujuh Hijri, iaitu al-Madrasah al-Dakhwāriyyah, al-Madrasah al-Danisariyyah dan al-Madrasah al-Labbūdiyyah al-Najmiyyah.

Sambungan ...

- Terdapat juga sebuah madrasah perubatan di Baghdad yang dibina pada tahun 1236 M oleh khalifah al-Mustansir. Walau bagaimanapun, madrasah perubatan ini lebih merupakan sebuah fakulti pengajian perubatan, sama seperti sekolah pengajian fikah (*madrasat al-fiqh*), kuliah pengajian al-Quran (*dar al-Qur'an*), dan kuliah pengajian hadis (*dar al-Hadith*) yang terdapat di kompleks al-Madrasah al-Mustansiriyyah.
- Antara yang diketahui ialah tokoh perubatan bernama Ibn al-Sabbāgh dikatakan pernah bertugas sebagai tenaga pengajarnya.
- Terdapat juga sebuah madrasah perubatan di Mesir, iaitu al-Madrasah al-Muhadhdhabiyyah yang dibina oleh seorang tokoh perubatan Mesir yang bernama Muhadhdhab al-Din Ibn Abi Hulayqah dan terletak di luar kota Kaherah.

Balai Cerapan Sebagai Pusat Pendidikan

- Salah satu daripada pusat pengajian sains yang penting khususnya dalam bidang astronomi.
- Observatori yang pertama dibina di negara Islam ialah observatori Shammāsiyyah di Baghdad yang dibina pada zaman pemerintahan khalifah al-Ma'mūn dan mula digunakan pada tahun 213 H/828 M. Walau bagaimanapun, balai cerapan ini masih belum berperanan sepenuhnya sebagai sebuah pusat cerapan kerana tidak dilengkapi dengan kemudahan kediaman dan tempat untuk ahli astronomi melaksanakan kerja mereka.

Sambungan ...

- Dua jenis observatori dalam tamadun Islam;
 1. Observatori yang berperanan sebagai sebuah pusat pendidikan
 2. Observatori yang tidak berperanan sebagai sebuah pusat pendidikan.
- Selain itu, terdapat juga beberapa program cerapan yang kemungkinannya juga merupakan observatori.

OBSERVATORI MALIKSHAH

- Observatori pertama yang dianggap berperanan sebagai sebuah institusi
- Dibina sekitar tahun 467 H/1074 M di lokasinya yang tidak begitu diketahui dan beberapa kawasan yang dikatakan menjadi lokasinya, iaitu di Nishapur, Rayy, Marw, dan Isfahan.
- Pernah digunakan oleh 'Umar al-Khayyām dengan kerjasama beberapa orang ahli astronomi lain untuk melengkapkan sebuah jadual cerapan yang dikenali sebagai '*Zij al-Jalali*'. Dengan kematian pemerintah yang menaunginya, iaitu Jalāl al-Din Malikshah pada tahun 485 H/1092 M, operasi observatori ini terhenti setelah bertahan selama 18 tahun.

Sambungan ...

- Berdasarkan kenyataan tersebut, jelas bahawa observatori Malikshah merupakan observatori yang pertama berperanan sebagai sebuah institusi pengajian astronomi kerana menyediakan tempat untuk ahli astronomi membuat cerapan dan mengadakan perbincangan bagi menyiapkan jadual cerapan berdasarkan data astronomi yang diperolehi.

Observatori al-Afdal al-Batā'ihī

- Observatori utama lain yang berperanan sebagai institusi pengajian sains dan terletak di Kaherah.
- Proses pembinaannya berlaku dalam zaman pemerintahan khalifah al-Amir bi Ahkām Allah (495-524/1101-1130), daripada kerajaan Fātimiyyah.
- Mula dibina pada tahun 513 H/1120 M dan akhirnya siap pada tahun 518 H/1125 M.
- Dua orang wazir, iaitu al-Afdal Shāhinshāh bin Badr al-Jamāli dan al-Afdal al-Ma'mūn al-Batā'ihī ditugaskan untuk menyiapkan pembinaannya.

Observatori Maraghah

- Terletak di atas sebuah bukit berhampiran bandar Maraghah dalam wilayah Azarbayjan.
- Proses pembinaannya memakan masa yang agak lama. Usaha membina observatori ini dipercayai dimulakan sejak bulan Jamadil Awal tahun 657 H bersamaan April/Mei tahun 1259 M dengan dipelopori oleh seorang tokoh astronomi Islam terkenal, iaitu Nasir al-Din al-Tūsi yang mencadangkan pembinaannya kepada Hūlāgū Khān. Sesetengah pendapat menyatakan bahawa inisiatif pembinaannya dipelopori oleh Hūlāgū Khān (m. 663 H/1265 M) dan saudaranya, Mangū Khān (m. 655 H/1257 M), yang kemudiannya mengarahkan Nāsir al-Din al-Tūsi mengetuai pembinaannya.

Sambungan ...

- Terdapat beberapa kemudahan yang disediakan termasuk bekalan air, sebuah masjid, dan sebuah bangunan khas untuk kediaman Hulāgu.
- Kedudukan bangunannya di atas bukit menjadikannya sebuah menara yang tinggi, lengkap dengan sebuah kubah untuk aktiviti cerapan dan sebuah perpustakaan besar yang menyimpan lebih daripada 400,000 naskhah buku di dalamnya. Kesemua buku tersebut dikatakan dikumpul oleh tentera Mongol dari beberapa tempat, iaitu Baghdad, Syria, al-Jazirah, Mesopotamia, dan Parsi.
- Bertahan dalam tempoh yang lama (53 tahun), iaitu semasa pemerintahan minimum tujuh pemerintah kerajaan Ilkhān.

Sambungan ...

- Dengan kejatuhan kerajaan Il-Khān pada tahun 736 H/1336 M, observatori Maraghah dipercayai tidak lagi berfungsi. Akhirnya, pada tahun 740 H/1339 M, observatori ini mengalami kemusnahan setelah beroperasi selama lebih daripada 50 tahun.
- Amat penting dan unggul sebagai sebuah pusat pengajian sains kerana memberi peluang kepada ramai pelajar untuk mempelajari ilmu astronomi dan ilmu sains yang lain.
- Observatori yang pertama menerima peruntukan daripada harta wakaf yang biasanya diberikan kepada masjid, madrasah, dan hospital sahaja.

Observatori Ghāzān Khān

- Terletak di Tabriz.
- Menjadikan observatori Maraghah sebagai model ikutannya kerana turut dibiayai oleh harta wakaf.
- Namun, observatori ini tidak dapat menandingi keunggulan observatori Maraghah kerana hanya dapat bertahan sekitar 15 atau 16 tahun sahaja.



Hospital (Bimaristan) Sebagai Pusat Pendidikan

- Peranan hospital tidak tertumpu kepada rawatan penyakit sahaja, malah turut berfungsi sebagai fakulti atau pusat pengajian ilmu perubatan. Menurut Chejne, pembinaan hospital berkembang dalam jumlah yang banyak pada abad keempat dan kelima Hijri terutamanya di kota Baghdad, Kaherah, Cordova, dan Damsyik.
- Hospital terawal yang diketahui mempunyai kelas pengajian perubatan ialah *Bimaristan al-Rayy*. Maklumat ini berdasarkan catatan Ibn al-Nadim (1994: 415) tentang kelas pengajaran al-Rāzi yang ketika itu bertugas sebagai pengetua hospital tersebut.

Bimāristān al-‘Adudi

- Terletak di tebing sungai Dajlah dan bangunan asalnya merupakan tapak kepada hospital yang diasaskan oleh Bajkam al-Turki tetapi tidak sempat disiapkan berikutan kematiannya pada tahun 329 H/941 M.
- Dikatakan siap pembinaannya pada tahun 368 H/979 M di atas tapak Hospital Bajkam. Empat tahun selepas pembinaannya atau secara lebih tepat lagi pada bulan Safar tahun 372 H/982 M, hospital ini telah dibuka secara rasmi oleh ‘Adud al-Dawlah dengan mendapat biaya tetap sebanyak 100,000 dinar setahun.
- Turut berfungsi sebagai fakulti perubatan dengan 24 orang doktor pada peringkat awal penubuhannya.

Sambungan ...

- Antara bidang kepakaran yang diajar ialah fisiologi, oftalmologi (rawatan mata), dan surgery (pembedahan).
- Dua orang tokoh perubatan terkenal, iaitu 'Ali bin Ibrāhim bin Bakhtishū'dan Ibrāhim bin Baks merupakan tenaga pengajar yang pertama berkhidmat di hospital ini.
- Pengajian perubatan biasanya dikendalikan oleh ketua doktor atau '*sa'ur*' misalnya Amin al-Dawlah bin al-Tilmidh (m. 560 H) dan Sa'id bin Athradi (m. abad 6 Hijri) yang pernah dilantik sebagai ketua doktor di Hospital al-'Adudi.
- Dipercayai terus beroperasi sehinggalah berlakunya serangan tentera Mongol ke atas Baghdad pada tahun 656 H/1258 M.

Hospital al-Nūri

- Terletak di Damsyik dan siap dibina pada tahun 550 H/1146 M oleh Nūr al-Din al-Zinki, pemerintah Damsyik pada ketika itu
- Dilengkapi dengan bekalan makanan dan ubat-ubatan yang secukupnya.
- Seorang tokoh perubatan yang bernama Abū al-Majd bin Abū al-Hakam al-Bāhili dilantik sebagai pengetuanya yang pertama.

Bimaristan al-Mansur

- Paling terkenal dan penting kepada pendidikan perubatan di Kaherah, Mesir pada abad ketujuh Hijri.
- Dikenali juga sebagai Dār al-Shifā' dan Bimāristān Qalāwūn.
- Tapak asalnya adalah sebuah dewan yang dimiliki oleh Sitt al-Malik, anak perempuan kepada al-'Aziz, pemerintah kerajaan Fatimiyyah. Setelah kejatuhan kerajaan Fātimiyyah, dewan tersebut dikenali dengan beberapa nama, iaitu Dār al-Amir Fakhr al-Din Jiharkas, Dār Mūsik, dan akhirnya al-Dār al-Qutbiyyah. Kemudian dewan tersebut diambil secara pampasan oleh Sultān Mansūr Qalāwūn pada 18 Rabiul Awal tahun 682 H (bersamaan 15 Jun 1283 M) untuk dijadikan sebuah hospital.

Sambungan ...

- Dibuka untuk semua golongan tanpa mengira kedudukan, jantina dan peringkat umur.
- Turut menerima biaya sepenuhnya daripada Sultan Mansūr sebanyak 1 juta dirham setahun.
- Empat buah dewan disediakan untuk pesakit wanita, pesakit yang mengalami luka, pesakit cirit-birit, dan pesakit yang dijangkiti penyakit mata.
- Selain daripada kemudahan sebuah perpustakaan perubatan dan bilik kuliah, terdapat pelbagai kemudahan lain yang disediakan termasuklah jururawat, saluran air ke seluruh bahagian hospital, tempat khusus untuk memasak makanan, dan tempat untuk menyediakan ubat dan menyimpannya.

Sambungan ...

- Para pesakit dibenarkan pergi menunaikan solat berjamaah di sebuah masjid yang terletak berhampiran.
- Terdapat juga para pembaca al-Quran dan guru ilmu syariah yang ditugaskan di masjid ini.
- Mengekalkan kecemerlangannya sehingga empat dekad selepas pembinaannya. Keadaan hospital yang begitu mengagumkan ini dicatatkan oleh Ibn Batūtah (m. 779/1377) yang pernah melawatnya dan memuji keberkesanan pentadbirannya yang didokong oleh peruntukan yang mencukupi untuk menampung segala keperluan dan perbelanjaannya.

Sambungan ...

- Perkhidmatannya terus berlangsung hingga pertengahan abad ke-13 H/19 M. Bilik-bilik rawatannya dilaporkan dapat menampung seramai 100 orang pesakit pada satu-satu masa.
- Walau bagaimanapun, keadaannya selepas pertengahan abad ke-13 H/19 M semakin merosot dan hanya digunakan sebagai hospital mata sahaja.
- Mulai tahun 1952, hospital ini tidak lagi digunakan dan dijadikan sebagai salah sebuah bangunan bersejarah.

ADAB MENUNTUT ILMU




- 1) Membersihkan diri daripada tingkah laku yang buruk dan sifat-sifat yang terkeji.
- 2) Menumpukan sepenuh perhatian kepada ilmu yang dipelajari.
- 3) Menghormati dan memuliakan guru.
- 4) Membuat pilihan yang khusus terhadap ilmu yang ingin dipelajari.

- 5) Mendalami sesuatu ilmu yang dipelajari secara teratur dan bersistematis berdasarkan kepentingannya.
- 6) Meletakkan niat yang ikhlas sebagai asas menuntut ilmu.
- 7) Menjadikan ilmu yang dipelajari sebagai cara untuk mencapai matlamat.



Adab Dan Tanggungjawab Ilmuwan



1. Melahirkan rasa kasih dan bersikap penyayang terhadap pelajar.
2. Menyebarkan ilmu pengetahuan secara ikhlas.
3. Sentiasa memberikan nasihat, pandangan, tunjuk ajar dan bimbingan ke arah pemikiran yang sihat.
4. Memiliki akhlak mulia dan berperibadi tinggi.

Sambungan

5. Tidak memperkecil-kecilkan bidang lain selain daripada bidangnya.
6. Menyampaikan ilmu mengikut kemampuan pelajar.
7. Menyampaikan ilmu dengan keterangan yang jelas dan tidak menimbulkan keraguan.
8. Beramal dengan ilmu yang ada padanya.